

Kajian Pelaksanaan Halatuju *Specific, Measurable, Achievable, Relevant and Time Bound* (SMART) bagi Pengurusan Projek Pembinaan

A Study on the Implementation of Specific, Measurable, Achievable, Relevant and Time-Bound (SMART) Framework in Construction Project Management

Wan Roslinda Wan Samsuddin¹, Rozlin Zainal^{1,2*}, Sharifah Meryam Shareh Musa^{1,2}

¹ Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

² Centre of Project, Property and Facilities Management Services, Fakulti
Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400, MALAYSIA

*Pengarang Utama: rozlin@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2026.07.01.034>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2026
Diterima: 31 Mei 2026
Diterbitkan: 30 Jun 2026

Kata Kunci

Fasa pelaksanaan, Halatuju,
Kontraktor, SMART, Pengurusan
projek, Pembinaan

Abstrak

Pengurusan projek pembinaan yang berkesan menuntut perancangan yang sistematik, pengurusan risiko yang berkesan serta komunikasi yang jelas bagi memastikan pencapaian sasaran masa, kos dan kualiti. Prinsip SMART (*Specific, Measurable, Achievable, Relevant dan Time-bound*) digunakan secara meluas sebagai rangka kerja penetapan objektif projek kerana keupayaannya memperjelas sasaran dan menyokong pemantauan prestasi secara berstruktur. Walau bagaimanapun, prinsip SMART sering terhalang oleh objektif yang tidak spesifik, sukar diukur, kurang realistik dan tempoh masa yang tidak jelas, sekali gus menyukarkan pemantauan prestasi serta hala tuju projek. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran utama pelaksanaan halatuju SMART, mengenal pasti strategi yang berkesan, serta menganalisis hubungan antara cabaran dan strategi dalam pengurusan projek pembinaan. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui pengedaran borang soal selidik kepada pengurus projek syarikat kontraktor Gred 7 di daerah Batu Pahat, Johor. Kadar maklum balas yang diterima adalah tinggi iaitu 86.36%, sekaligus menunjukkan kebolehpercayaan data kajian. Analisis statistik deskriptif dan korelasi Spearman digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dapatan menunjukkan bahawa perancangan lemah, penentangan terhadap penggunaan teknologi dan sumber data terhad merupakan cabaran paling dominan dalam pelaksanaan SMART. Dari sudut strategi, komunikasi bersepadu, latihan bersama 'champion' dan penetapan kejelasan KPI dikenal pasti sebagai strategi paling

signifikan. Analisis korelasi menunjukkan hubungan antara cabaran dan strategi secara umumnya adalah lemah tetapi berarah positif, menandakan potensi penambahbaikan pelaksanaan SMART. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada industri pembinaan dengan menyediakan panduan empirikal untuk membantu kontraktor dan pengurus projek memperkukuh pelaksanaan halatuju SMART secara lebih praktikal, sistematik dan selari dengan keperluan projek pembinaan semasa.

Keywords

Construction, Contractor, Direction, Execution phase, Project management, SMART

Abstract

Effective construction project management requires systematic planning, robust risk management, and clear communication to ensure the achievement of time, cost, and quality objectives. The SMART principle (Specific, Measurable, Achievable, Relevant, and Time-bound) is widely adopted as a structured framework for setting project objectives due to its ability to enhance clarity and performance monitoring. However, the application of SMART is often constrained by objectives that are insufficiently specific, difficult to measure, unrealistic, and poorly defined in terms of time, thereby hindering effective performance tracking and project direction. In response, this study aims to identify the key challenges in implementing SMART-oriented project direction, determine effective mitigation strategies, and analyse the relationship between challenges and solutions in construction project management. A quantitative approach was employed using a questionnaire survey distributed to Grade 7 (G7) contractor project managers in Batu Pahat, Johor. The response rate obtained was high, at 86.36%, indicating strong data reliability. Descriptive statistical analysis and Spearman correlation were applied to achieve the research objectives. The findings reveal that weak planning, resistance to technology adoption, and limited data resources are the most dominant challenges affecting SMART implementation. In contrast, integrated communication systems, training supported by designated 'champions', and clear KPI alignment emerged as the most significant strategies. Correlation analysis indicates that the relationships between challenges and strategies are generally weak but positively directed, suggesting that appropriate strategies can potentially mitigate implementation barriers. Overall, this study contributes to the construction industry by providing empirical insights that support contractors and project managers in strengthening SMART implementation through more practical, systematic, and industry-aligned strategies, thereby enhancing project performance in a dynamic construction environment.

1. Pendahuluan

Pengurusan projek pembinaan yang berkesan memerlukan perancangan teliti, pengurusan risiko yang baik, dan komunikasi yang jelas (CIDB, 2024). Prinsip SMART (Specific, Measurable, Achievable, Relevant, Time-Bound) berperanan penting dalam menetapkan objektif projek secara sistematik dan terukur serta memudahkan pemantauan kemajuan (Kashyap, 2025; Asana, 2025). Kajian terdahulu turut menegaskan bahawa penerapan prinsip ini membantu memastikan pencapaian sasaran projek dalam tempoh ditetapkan, walaupun berdepan beberapa cabaran pelaksanaan (Hartman & Ashrafi, 2004; Aziz, 2015). Selaras dengan Dasar Pembinaan Negara 2030, RMKe-12, dan Dasar Bandar Pintar, penerapan prinsip SMART berpotensi meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan kelestarian pengurusan projek pembinaan di Malaysia.

Penetapan matlamat yang jelas dan tersusun merupakan elemen kritikal bagi memastikan pencapaian sasaran masa, kos dan kualiti sepanjang kitaran projek dalam pengurusan projek pembinaan (Zakaria, 2020). Bagi menyokong kejelasan ini, prinsip SMART digunakan secara meluas sebagai rangka kerja penetapan objektif yang spesifik, terukur dan realistik, sekali gus memperkukuh pemantauan serta kawalan projek (Empuls, 2025). Kajian terdahulu membuktikan bahawa penerapan prinsip SMART mampu meningkatkan kecekapan pengurusan tapak, kawalan sumber dan tahap keselamatan kerja dalam projek pembinaan (Ayob, Janipha, & Booi, 2024). Kejayaan projek di Malaysia turut bergantung kepada keupayaan memenuhi kepuasan klien dan keperluan pengguna akhir,

di mana prinsip SMART membantu menyelaraskan jangkaan pelbagai pihak berkepentingan secara lebih sistematik (Khalid, 2024; Ferreira, Morgado, & Lins, 2024). Namun begitu, kelemahan dalam penyelarasan dan kawalan objektif masih menjadi cabaran utama yang menjejaskan prestasi projek secara keseluruhan.

Perancangan dan pengurusan yang teliti merupakan faktor kritikal dalam kejayaan projek pembinaan (Eby, 2023), namun pelaksanaan prinsip SMART sering terhalang oleh objektif yang tidak spesifik, sukar diukur, kurang realistik dan tempoh masa yang tidak jelas, sekaligus menyukarkan pemantauan prestasi serta hala tuju projek (Boogaard, 2023; Jabatan Digital Negara, 2023; Göküz & Akiner, 2025). Objektif yang kabur atau terlalu ambisius turut menyumbang kepada kelewatan, pembaziran sumber dan kegagalan mencapai sasaran kos, masa dan kualiti, yang sering diperburuk oleh koordinasi lemah dan perubahan keperluan klien (Ofori, 2023; Korhonen *et al.*, 2023; CIDB, 2024; Alias *et al.*, 2023). Walaupun prinsip SMART diaplikasikan, banyak projek masih gagal mencapai prestasi optimum kerana kekurangan pemantauan berterusan dan pelarasan strategi yang selari dengan cabaran sebenar di tapak (Hwang, Ngo, & Teo, 2022; Waqar *et al.*, 2025). Namun begitu, hubungan antara cabaran dan strategi dalam kerangka SMART masih kurang diterokai, khususnya dalam konteks industri pembinaan Malaysia, memandangkan kajian terdahulu lebih menumpukan pembentukan objektif berbanding strategi praktikal (Mohammad *et al.*, 2023; MRS Digital, 2023; Korhonen *et al.*, 2023; Menon, 2024). Oleh itu, kajian ini penting bagi memahami bagaimana cabaran dan strategi tersebut mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan SMART dalam pengurusan projek pembinaan. Hipotesis kajian ini Adalah;

- (i) H_1 : Terdapat hubungan signifikan antara cabaran dan strategi utama bagi pelaksanaan halatuju SMART terhadap pengurusan projek pembinaan.
- (ii) H_0 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara cabaran dan strategi utama bagi pelaksanaan halatuju SMART terhadap pengurusan projek pembinaan.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran utama, strategi utama dan hubungan antara kedua-duanya dalam pelaksanaan halatuju SMART bagi pengurusan projek pembinaan. Prinsip SMART yang dicadangkan CIDB (2024) menekankan kepentingan penetapan matlamat yang jelas, boleh diukur dan berasaskan pemantauan serta penjadualan projek yang sistematik. Kajian ini memberi tumpuan kepada daerah Batu Pahat, Johor kerana kawasan ini sedang pesat membangun dan menyumbang nilai kerja pembinaan yang signifikan, termasuk dominasi sektor swasta sebanyak 60.8% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Lokasi tersebut dipilih kerana terdapat pelbagai projek aktif yang disokong oleh inisiatif pembangunan negeri seperti Rumah Kasih Johor (KPRJ, 2024). Responden kajian terdiri daripada Pengurus Projek serta pasukan syarikat kontraktor Gred 7 yang memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan projek melalui kompetensi dan sokongan pengurusan atasan (Musa & Manaf, 2021).

2. Kajian Literatur

2.1 Konsep

Pengurusan projek pembinaan merangkumi penggunaan kemahiran, teknik dan sumber secara cekap untuk melaksanakan aktiviti projek mengikut skop, masa dan kos yang ditetapkan dalam persekitaran yang dinamik (Project Management Institute, 2017), di mana keberkesanannya dipengaruhi oleh ketahanan mental pengurus, keupayaan mengurus konflik, serta komunikasi dan kerjasama berkesan antara pihak berkepentingan (Turner, 2014; Barcaui & Monat, 2023). Pelaksanaan projek pula menekankan penyelarasan aktiviti tapak, pengurusan sumber, kawalan jadual dan bajet, serta pengurusan risiko yang sistematik bagi memastikan projek berjalan lancar dan produktif, dengan sokongan teknologi moden bagi menangani cabaran seperti kelewatan dan kekangan kos (CIDB, 2020; Jabatan Kerja Raya, 2023; Azhar, 2011; Hillson & Murray-Webster, 2017). Dalam masa yang sama, halatuju projek ditentukan melalui penetapan sasaran jangka pendek dan panjang yang selari dengan visi organisasi, disokong oleh penglibatan aktif pihak berkepentingan dan komunikasi efektif bagi mengurangkan pertikaian serta meningkatkan sokongan projek (Martin & Miller, 1982; Teller *et al.*, 2014), manakala penggunaan alat digital seperti Primavera, Microsoft Project dan BIM membantu memperkukuh kecekapan perancangan, pemantauan dan kolaborasi ke arah pencapaian objektif projek yang jelas dan terarah (Chowdhury *et al.*, 2019).

2.2 Halatuju SMART

SMART yang diperkenalkan oleh George (1981) menekankan pembentukan matlamat yang *Specific, Measurable, Achievable, Relevant*, dan *Time-bound* bagi memastikan perancangan projek lebih realistik, fokus dan mudah dinilai, sekali gus meningkatkan keberkesanan pengurusan projek pembinaan. Dalam konteks Industri 4.0, rangka kerja SMART semakin diperkukuh melalui integrasi teknologi moden untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kelestarian projek (Ngo & Hwang, 2021), di samping menyokong motivasi pasukan, pemantauan prestasi dan pengurangan risiko kegagalan melalui perancangan yang sistematik (George & Jones, 2011). Halatuju SMART berperanan sebagai panduan strategik yang menyelaraskan sasaran projek agar semua pihak bergerak seiring ke arah objektif yang jelas dan terarah (Locke & Latham, 2002), dengan bukti bahawa matlamat berasaskan SMART mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan projek secara signifikan (Nwabuatu & Nnajiuba, 2025). Di

Malaysia, kepentingan pendekatan ini turut disokong oleh Pelan Strategik Pembinaan 4.0 CIDB (2020), yang menekankan perancangan strategik dan penggunaan teknologi sebagai pemacu utama daya saing industri pembinaan.

2.2.1 Pelaksanaan Halatujua SMART Vs Pengurusan Projek Pembinaan

Konsep SMART yang diperkenalkan oleh Doran (1981) membantu pembentukan objektif projek secara sistematik, namun pelaksanaannya dalam projek pembinaan sering terjejas oleh faktor luaran seperti cuaca, isu logistik dan kekangan sumber (Turner, 2009). Elemen seperti *Time-bound* dan *Measurable* menjadi cabaran utama kerana kelewatan projek serta ketidakjelasan penilaian prestasi, justeru memerlukan palarasan matlamat mengikut situasi sebenar di tapak (Yap *et al.*, 2021). Penggabungan SMART dengan pendekatan seperti PMBOK dan PRINCE2 memperkukuh keberkesanan pelaksanaan, tetapi kejayaan tetap bergantung kepada fleksibiliti pengurusan dalam menangani perubahan dan ketidaktentuan industri (Azhar, Farooqui, & Ahmed, 2008).

2.2.2 Amalan Pelaksanaan SMART dalam Industri Pembinaan

Pelaksanaan objektif SMART dalam pengurusan projek pembinaan membantu pengurus projek merancang, memantau kemajuan, dan meningkatkan motivasi pasukan dengan sasaran yang jelas dan boleh dicapai (Liu, Zhang, & Wang, 2023; Landau, 2023). Kajian di Norway oleh Sharifi *et al.* (2023) membuktikan bahawa SMART dapat menyokong pelaksanaan projek lestari melalui penetapan matlamat yang terperinci dan terkawal, serta menyelaraskan ekspektasi pihak berkepentingan. Walaupun industri berdepan cabaran seperti perubahan teknologi dan kekangan sumber, SMART berfungsi sebagai pendekatan sistematik yang meningkatkan kejelasan tugas dan keberkesanan pengurusan keseluruhan (Lin *et al.*, 2025).

2.3 Cabaran Pelaksanaan Halatujua SMART dalam Pengurusan Projek Pembinaan

2.3.1 Matlamat Tidak Jelas/Tidak Terperinci

Ketiadaan matlamat yang spesifik dan terperinci sering menyebabkan kekeliruan dalam agihan tugas serta pertindihan tanggungjawab antara pasukan (Zhang, Li, & Li, 2024). Keadaan ini menyukarkan penetapan keutamaan, pengukuran prestasi, dan boleh membawa kepada kelewatan projek (Islami *et al.*, 2018; Skibniewski, 2025). Oleh itu, setiap objektif perlu dirumuskan dengan jelas dan berstruktur mengikut prinsip SMART bagi memastikan hala tuju projek lebih sistematik dan berkesan (Al Nahyan *et al.*, 2019; Simonaitis, Daukšys, & Mockienė, 2023).

2.3.2 Perancangan Lemah

Perancangan projek yang lemah dan jadual yang tidak realistik menjadi punca utama kelewatan dan tekanan kerja dalam sektor pembinaan (Shah, Bhatti, & Ahmed, 2023). Kegagalan menyelaraskan keperluan sebenar projek dengan sumber dan masa menyukarkan pencapaian objektif secara efisien (Fauzan *et al.*, 2025). Tanpa asas perancangan kukuh, prinsip SMART sukar diterapkan secara praktikal dalam pelaksanaan projek (Prasetyo *et al.*, 2025).

2.3.3 Penjadualan Tidak Realistik

Penjadualan yang tidak realistik dan tidak mengambil kira faktor dinamik seperti kelewatan bahan atau cuaca menyukarkan pelaksanaan Halatujua SMART, terutamanya aspek "Realistik" dan "Tepat Masa" (Görsch *et al.*, 2023). Tekanan memenuhi tarikh akhir yang tidak berpaksikan kapasiti sebenar turut membawa kepada jadual yang terlalu optimistik dan sukar dicapai (Shokri *et al.*, 2015). Kegagalan merancang secara adaptif melemahkan kecekapan pasukan serta meningkatkan kos dan risiko projek.

2.3.4 Sumber Data Terhad

Kekangan dana, defisit tenaga pakar dan lonjakan kos bahan binaan menjadi antara punca utama projek pembinaan gagal disiapkan mengikut jadual dan bajet (Sarkar, 2025). Menurut Abkar *et al.* (2024) dan Iqbal *et al.* (2024a), kelewatan dan peningkatan kos akibat gangguan bekalan serta kekangan logistik melemahkan pelaksanaan halatujua SMART, terutama kebolehlaksanaan dan pengurusan kos.

2.3.5 Penentangan Penggunaan Teknologi

Pelaksanaan halatujua SMART dalam pengurusan projek pembinaan sering terganggu akibat penolakan teknologi oleh pihak industri yang masih bergantung kepada pendekatan konvensional, disebabkan kekurangan kemahiran digital dan ketakutan kehilangan pekerjaan (Hanna, Bigelow & Pratt, 2024). Isu seperti kos bahan binaan yang

meningkat dan gangguan bekalan turut membantutkan integrasi teknologi pintar, menyebabkan ia dilihat sebagai beban dan bukan pelaburan strategik (Liu *et al.*, 2023).

2.3.6 Ketidakpastian Luar Jangka

Ketidakpastian luar jangka seperti ketidaktentuan cuaca, gangguan rantaian bekalan, dan isu geopolitik sering menggugat pelaksanaan objektif SMART dalam projek pembinaan kerana perubahan mendadak boleh menjadikan sasaran asal tidak lagi relevan atau praktikal (Mishra, Gupta, & Jha, 2024). Situasi ini menuntut penyesuaian strategi pengurusan secara fleksibel dan penyediaan pelan kontingensi agar projek kekal pada landasan meskipun berdepan risiko yang tidak dijangka (Atli & Krystallis, 2025).

2.3.7 Kesukaran Mengukur Kemajuan

Walaupun elemen *measurable* dalam SMART menekankan pengukuran kemajuan projek, kekurangan sistem pemantauan dan KPI yang jelas sering menjejaskan ketepatan penilaian, justeru menuntut penggunaan sistem pengurusan projek berasaskan teknologi moden bagi menyokong pemantauan berkesan dan keputusan berasaskan data (Chan & Chan, 2004; Kasyap, 2025; Sarkar, 2025).

2.3.8 Integrasi Komunikasi

Penyatuan maklumat penting untuk menyokong halatuju SMART dan komunikasi berkesan, namun kekangan latar belakang dan teknologi boleh menjejaskan keputusan projek, justeru sistem komunikasi bersepadu seperti BIM dan platform kolaborasi digital diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan (Taleb *et al.*, 2017; Shah, Patel, & Prajapati, 2018; Abd Aziz *et al.*, 2024).

2.4 Strategi Pelaksanaan Halatuju SMART dalam Pengurusan Projek Pembinaan

2.4.1 Penglibatan awalan pihak berkepentingan

Kerjasama awal pihak berkepentingan dalam projek pembinaan penting memastikan kesefahaman dan mengurangkan perselisihan faham, sekaligus memperkukuh pelaksanaan projek (Suvvari & Saxena, 2023). Penyediaan dokumen matlamat jelas dan kemas kini berkala membantu mengekalkan keselarasan sasaran projek. Keterlibatan awal juga mempercepatkan keputusan dan mengurangkan risiko konflik, menjadikan pelaksanaan projek lebih produktif dan responsif (Alnhari & Qureshi, 2024).

2.4.2 Penggunaan perisian pengurusan projek moden

Perisian pengurusan projek seperti Microsoft Project dan Primavera membantu menyelaraskan perancangan, agihan kerja, penilaian risiko serta menghasilkan laporan prestasi digital yang lebih telus melalui Gantt Chart dan dashboard (Othman, 2020). Keupayaan pemodelan senario dan pengukuran prestasi turut menyokong pembuatan keputusan yang lebih tepat dan berkesan (Haque & Fahad, 2025).

2.4.3 Pelaksanaan analisis masa

Penilaian masa menggunakan kaedah seperti CPM dan PERT penting untuk memastikan jadual projek yang realistik dan fleksibel serta mengurangkan risiko kelewatan, pembaziran sumber dan peningkatan kos akibat analisis masa yang lemah (Khan, Hou, & Ali, 2022). Pengurusan masa yang berkesan seterusnya menyokong kelancaran operasi dan pencapaian objektif projek secara menyeluruh (Amoah, Mintah, & Afrane, 2024).

2.4.4 Pemanfaatan Teknologi dan Pengumpulan Data

Penggunaan teknologi moden seperti sensor, dron, dan aplikasi mudah alih memudahkan pengumpulan data tepat dan efisien bagi menyokong keputusan projek pembinaan (Barnes, 2024). Pengumpulan data masa nyata meningkatkan ketelusan laporan serta membolehkan pengesanan awal masalah untuk tindakan segera (Onazi *et al.*, 2018). Data berkualiti tinggi penting dalam analisis risiko dan perancangan jangka panjang, sekaligus memperkukuh pengurusan projek secara menyeluruh (Love *et al.*, 2018).

2.4.5 Penyediaan Latihan Bersama 'Champion'

Latihan '*champion*' teknologi berperanan sebagai pemangkin penerimaan teknologi baharu dalam projek pembinaan, namun keberkesanannya bergantung kepada sokongan sistematik seperti polisi pendigitalan dan insentif pengurusan atasan bagi memastikan penggunaan yang berterusan (Ernstsen *et al.*, 2021). Pendekatan ini turut menyokong pembentukan budaya kerja kolaboratif dan meningkatkan prestasi projek secara menyeluruh.

2.4.6 Perancangan kontingensi

Strategi rancangan luar jangka penting dalam pengurusan risiko projek pembinaan kerana ia membolehkan tindak balas yang fleksibel dan responsif terhadap situasi tidak dijangka melalui kaedah seperti analisis SWOT, matriks impak dan latihan simulasi (Hillson & Murray-Webster, 2007; Rajan, 2024). Pendekatan ini membentuk budaya kerja proaktif yang meningkatkan kebolehsuaian projek serta mengurangkan gangguan jadual dan kos.

2.4.7 Penetapan kejelasan KPI

Penetapan KPI yang jelas dan anjal membolehkan pemantauan projek yang lebih sistematik dan berkesan, dengan sokongan teknologi seperti ERP dan BIM bagi menilai pencapaian secara masa nyata serta menyokong penambahbaikan berterusan (Litvinova & Ismailova, 2023; Ellis, 2024). Penglibatan aktif pihak berkepentingan dalam semakan KPI berkala turut meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan motivasi pasukan melalui mekanisme insentif (Muneer *et al.*, 2022).

2.4.8 Penggunaan Komunikasi Bersepadu

Penggunaan platform komunikasi bersepadu seperti *Microsoft Teams* dan *Slack* meningkatkan kecekapan komunikasi serta pengurusan tugas dengan mengurangkan kebergantungan kepada mesyuarat fizikal dan menyokong budaya kerja berpasukan yang fleksibel, sekali gus memperkukuh daya saing pasukan projek pembinaan (Vardishvili & Petriashvili, 2024; Abd Aziz *et al.*, 2024).

2.5 Hubungan Cabaran dan Strategi Pelaksanaan Halatuju SMART dalam Pengurusan Projek Pembinaan

Hubungan antara cabaran projek dan strategi pelaksanaan halatuju SMART dalam pengurusan projek pembinaan terbukti signifikan, khususnya apabila perubahan reka bentuk dan kerja semula menyebabkan peningkatan kos serta masa, sekaligus menjejaskan elemen Measurable, Achievable, Specific dan Time-bound (Love *et al.*, 2020). Tekanan pengurangan kos yang mendorong penetapan jadual tidak realistik turut melemahkan prinsip Achievable dan Realistic, mengaburkan skop kerja serta meningkatkan risiko kegagalan mencapai sasaran masa yang ditetapkan (Zulch, 2014). Selain itu, ketidaktentuan seperti cuaca, kekurangan tenaga kerja dan kelewatan kelulusan memberi kesan langsung kepada dimensi Time-bound dan Achievable, menjadikan matlamat sukar dicapai jika tidak dirancang secara inklusif dan berasaskan realiti projek (Gamil & Abdul Rahman, 2023).

Sehubungan itu, literatur menegaskan bahawa cabaran-cabaran ini perlu ditangani melalui strategi pelaksanaan yang sistematik dan bersepadu selaras dengan prinsip SMART, agar matlamat yang ditetapkan bukan sahaja boleh diukur tetapi juga relevan dan realistik dalam konteks projek yang dinamik. Project Management Institute (2021) menekankan kepentingan penyelarasan berterusan antara skop, masa dan kos melalui perancangan, penjadualan dan pemantauan berkualiti tinggi bagi menyokong pembuatan keputusan yang responsif. Secara keseluruhan, hubungan rapat antara cabaran dan strategi pelaksanaan menunjukkan bahawa kejayaan projek pembinaan amat bergantung kepada keupayaan pengurus projek mengimbangi elemen SMART secara holistik melalui pendekatan adaptif, pengurusan risiko yang berkesan dan pelarasan proaktif sepanjang kitaran projek.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah kuantitatif digunakan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada syarikat kontraktor Gred 7 (G7) di daerah Batu Pahat, Johor. Data diperoleh dianalisis menggunakan SPSS untuk mendapatkan peratusan, min, dan korelasi antara pembolehubah (Rahman & MuktaDir, 2021).

3.2 Prosedur Kajian

Pendekatan kuantitatif dengan borang soal selidik sebagai instrumen utama digunakan bagi pengumpulan data. Data primer diperoleh daripada responden, manakala data sekunder digunakan sebagai sokongan daripada jurnal dan artikel akademik (Mazhar, 2021). Kajian dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pencapaian objektif kajian, dan carta alir kajian ditunjukkan dalam Lampiran A.

3.3 Persampelan

Persampelan kajian ini melibatkan responden kontraktor pembinaan G7 yang berdaftar dengan CIDB dan aktif di daerah Batu Pahat, Johor, dengan pengurus projek serta pasukan mereka dipilih sebagai responden kerana

penglibatan langsung dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek serta pelaksanaan halatuju SMART (Ahmad, Alias, & Abdul Razak, 2023; Shukla, 2020; Tengan & Aigbavboa, 2018; Hamid *et al.*, 2021; Tagod *et al.*, 2021; Adekunle *et al.*, 2022; Cárcamo, 2024). Pemilihan kontraktor G7 adalah signifikan memandangkan skop projek mereka yang luas dan berimpak tinggi, menjadikan mereka sumber data yang relevan dan berautoriti (CIDB, 2018; Moshood *et al.*, 2020; Abdul-Samad *et al.*, 2024). Daerah Batu Pahat dipilih kerana kepesatan pembangunan dan peranan penting sektor pembinaan di Johor (Dewan Negeri Johor, 2022; Kementerian Kerja Raya, 2022; MalaysiaAktif, 2023; CIDB, 2024a; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Berdasarkan rekod CIDB, terdapat 38 kontraktor G7 di daerah ini dan saiz sampel ditentukan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan, dengan 36 responden disasarkan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data (Krejcie & Morgan, 1970; Whitley & Ball, 2002; Memon *et al.*, 2020).

3.4 Pengumpulan Data

Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama kajian bagi mengumpul data secara sistematik dan berstruktur, merangkumi tiga bahagian iaitu Bahagian A (latar belakang responden), Bahagian B (cabaran pelaksanaan halatuju SMART dalam pengurusan projek pembinaan) dan Bahagian C (strategi terhadap cabaran tersebut), dengan set lengkap borang soal selidik dirujuk dalam Lampiran B. Kajian ini menggunakan skala Likert lima mata berpandukan Joshi *et al.* (2015) kerana keupayaannya menilai sikap dan persepsi responden secara jelas melalui julat jawapan daripada “Sangat Tidak Setuju” hingga “Sangat Setuju”, termasuk pilihan neutral, sekaligus sesuai untuk penyelidikan kuantitatif dan analisis hubungan antara pembolehubah kajian (Bryman, 2016; Koo & Yang, 2025).

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan sebagai langkah awal bagi menguji kefahaman, kejelasan dan keberkesanan instrumen soal selidik sebelum kajian sebenar dilaksanakan, khususnya berkaitan pelaksanaan halatuju SMART dalam pengurusan projek pembinaan. Seramai 10 orang pengurus projek terlibat sebagai responden kajian rintis, selaras dengan saranan kajian terdahulu bahawa sampel kecil sudah memadai untuk menilai kefungsiian instrumen dan mengenal pasti kelemahan item (Yunusa *et al.*, 2014; Tseng & Chen, 2021; Soori, 2024). Maklum balas yang diterima digunakan untuk menambah baik item yang samar atau mengelirukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen (Sekaran & Bougie, 2016; Pallant, 2007). Analisis kebolehpercayaan menggunakan pekali Alpha Cronbach telah menunjukkan nilai $\alpha = 0.965$ bagi 90 item, menandakan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan konsistensi dalaman yang kukuh, sekaligus mengesahkan bahawa instrumen kajian adalah sesuai dan stabil untuk digunakan dalam kajian sebenar (Bond & Fox, 2015; Gliem & Gliem, 2003).

3.6 Analisis Data

3.6.1 Analisis Frekuensi

Pengkaji menggunakan analisis kekerapan untuk meneliti data dalam tiga bahagian utama: profil demografi (Bahagian A), cabaran pelaksanaan halatuju SMART (Bahagian B), dan langkah strategi terhadap cabaran tersebut (Bahagian C). Statistik deskriptif seperti jumlah kejadian, purata, dan peratusan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi memudahkan penilaian dan rumusan hasil kajian (Tong, Tungkut, & Wan Ahmad, 2006; Sekaran & Bougie, 2016).

3.6.2 Analisis Min

Analisis min digunakan bagi Objektif 1 dan 2 untuk memberikan gambaran kuantitatif yang ringkas dan mudah difahami, manakala statistik deskriptif membantu menganalisis data secara teratur dan munasabah (Din, 2010; Boone & Boone, 2012). Skala Likert lima mata digunakan dalam Bahagian B dan C kerana kebolehpercayaannya yang tinggi serta keupayaannya menilai tahap persetujuan responden daripada nilai terendah (1) hingga tertinggi (5) secara tepat (Harpe, 2015; Azhar & Mahamod, 2018), seperti dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1 Interpretasi Tahap Min (Azhar & Mohamod, 2018)

Skor Min	Tahap Min	Interprestasi
1.00 hingga 2.99	Rendah	Tidak Setuju
3.00 hingga 3.99	Sederhana	Setuju
4.00 hingga 5.00	Tinggi	Sangat Setuju

3.6.3 Analisis Korelasi

Analisis korelasi digunakan dalam kajian ini bagi mencapai Objektif 3, iaitu menilai hubungan antara cabaran pelaksanaan halatuju SMART dan strateginya dalam pengurusan projek pembinaan, dengan tujuan menentukan kekuatan dan arah hubungan tanpa membuat inferens sebab-akibat. Memandangkan keputusan ujian normaliti menunjukkan taburan tidak normal ($p = 0.001, < 0.005$), kaedah korelasi Spearman telah digunakan (Suherman *et al.*, 2025). Pekali korelasi ini ditafsirkan dalam julat -1 hingga $+1$ bagi menunjukkan hubungan negatif, positif atau tiada hubungan (Rehan, Thorpe, & Heravi, 2024), dengan kekuatan hubungan dinilai berdasarkan skala interpretasi yang dicadangkan oleh Jiang (2014). Dalam konteks kajian ini, pemboleh ubah bersandar ialah pengurusan projek pembinaan, manakala pemboleh ubah tidak bersandar merangkumi cabaran dan langkah strategi berkaitan pelaksanaan halatuju SMART bagi mengukur pencapaian hubungan signifikan dalam hipotesis kajian (H_1 dan H_0) berdasarkan nilai p semasa analisis korelasi dibuat (Nguyen, 2020; Okoye & Hosseini, 2024). Selain itu interprestasi tahap hubungan signifikan didasarkan kepada Pallant (2007) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Pekali Skala Penilaian Indeks Kolerasi (Pallant, 2007)

Saiz	Tahap Hubungan
0.91 hingga 1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70	Sederhana
0.31 hingga 1.00	Lemah
0.01 hingga 0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada Kolerasi

4. Analisis dan Perbincangan

Sebanyak 44 set borang soal selidik telah diedarkan dan 38 set berjaya dikumpulkan untuk dianalisis, mewakili kadar maklum balas yang tinggi iaitu 86.36%. Kadar ini melebihi tahap minimum (30%) yang lazim diterima dalam kajian tinjauan, sekaligus menunjukkan kebolehpercayaan data yang baik serta mengurangkan risiko bias ketidaksertaan responden (Baruch & Holtom, 2008; Fincham, 2008; Holtom *et al.*, 2022). Selain itu, jumlah responden yang diperoleh memenuhi keperluan minimum analisis statistik, memandangkan saiz sampel melebihi 30 responden dianggap mencukupi untuk menghasilkan taburan data yang stabil dan membolehkan inferens asas dibuat dengan sah (Creswell & Creswell, 2018; Kaliyadan & Kulkarni, 2019).

4.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian ini membincangkan profil asas 38 responden daripada syarikat kontraktor Gred 7 di Batu Pahat, Johor, termasuk tahap pendidikan, pengalaman industri, dan jawatan semasa. Majoriti responden adalah lelaki (57.5%) dan mempunyai pendidikan tertinggi di peringkat sarjana muda (72.5%). Kebanyakan responden mempunyai pengalaman 6–10 tahun dalam industri (57.5%) dan memegang jawatan kategori “lain-lain” (35.0%). Analisis ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 membantu memahami konteks dan kelayakan responden dalam menilai cabaran serta strategi pelaksanaan halatuju SMART.

Jadual 3 Rumusan Analisis Data Bahagian A

Bil.	Maklumat Responden	Frekuensi	Peratus (%)
01	Jantina		
	Lelaki	23	57.5
	Perempuan	15	37.5
02	Bangsa		
	Melayu	25	62.5
	Cina	9	22.5
	India	3	7.5
	Lain-lain	1	2.5
03	Umur		
	Di antara 18 hingga 29 tahun	6	15.0
	Di antara 30 hingga 49 tahun	32	80.0
	Di antara 50 hingga 59 tahun	0	0
	60 tahun dan ke atas	0	0

04	Tahap Pendidikan		
	Rendah/Menengah	3	6.52
	STPM/Diploma	6	13.0
	Sarjana Muda	19	41.3
	Sarjana/Ph. D	14	30.4
	Lain-lain	4	8.7
05	Tempoh Aktif dalam Industri Pembinaan		
	1-5 Tahun	8	20.0
	6-10 Tahun	23	57.5
	11-20 Tahun	6	15.0
	21 Tahun Keatas	1	2.5
06	Jawatan		
	Pengurus Projek	14	35.0
	Perancang Projek	7	17.5
	Jurutera	5	12.5
	Arkitek	2	5.0
	Lain-lain	10	25.0

4.2 Bahagian B: Mengenal pasti cabaran utama pelaksanaan halatuju SMART

Jadual 4 menunjukkan semua lapan cabaran pelaksanaan halatuju SMART berada pada tahap persetujuan tinggi, dengan perancangan lemah muncul sebagai cabaran paling kritikal (min = 4.1645, kedudukan 1), diikuti penentangan penggunaan teknologi (min = 4.1617, kedudukan 2) dan sumber data terhad (min = 4.1447, kedudukan 3). Seterusnya, ketidakpastian luar jangka (min = 4.0978, kedudukan 4) dan penjadualan tidak realistik (min = 4.0921, kedudukan 5) turut memberi kesan besar terhadap pencapaian prinsip SMART, khususnya aspek Achievable dan Time-bound. Cabaran kesukaran mengukur kemajuan projek mencatatkan min = 4.0658 (kedudukan 6), manakala integrasi komunikasi berada pada min = 4.0263 (kedudukan 7). Walaupun matlamat tidak jelas atau tidak terperinci berada pada kedudukan terakhir, ia masih menunjukkan persetujuan tinggi (min = 4.015, kedudukan 8), menandakan isu kejelasan sasaran tetap signifikan. Secara ringkas, susunan nilai min dan kedudukan ini membuktikan bahawa cabaran perancangan, teknologi dan sumber merupakan penghalang utama kepada pelaksanaan halatuju SMART yang berkesan dalam pengurusan projek pembinaan.

Jadual 4 Rumusan Analisis Data Bahagian B

No.	Item	Purata (min)	Tahap Persetujuan	Kedudukan
C2	Perancangan Lemah	4.1645	Tinggi	1
1.	C2A;Sukar dipraktikal	4.2368	Tinggi	1
2.	C2B;Tidak sistematik	4.1053	Tinggi	4
3.	C2C;Beban kerja melampau	4.1579	Tinggi	2
4.	C2D;Tidak ikut prinsip	4.1579	Tinggi	2
C5	Penentangan Penggunaan Teknologi	4.1617	Tinggi	2
1.	C5A;Bergantung Kaedah Lama	3.9474	Sederhana	6
2.	C5B;Tiada kemahiran teknologi	4.1316	Tinggi	5
3.	C5C;Kurang beri latihan teknologi	4.3421	Tinggi	1
4.	C5D;Tinggi hadap kos	4.2105	Tinggi	2
5.	C5E;Gangguan bekalan	4.1316	Tinggi	5
6.	C5F;Kurang tenaga mahir	4.1842	Tinggi	3
7.	C5G;Kurang tenaga mahir	4.1842	Tinggi	3
C4	Sumber Data Terhad	4.1447	Tinggi	3
1.	C4A;Peningkatan kos bahan	4.1842	Tinggi	1
2.	C4B;Had sumber kewangan	4.0789	Tinggi	4
3.	C4C;Kurang tenaga pakar	4.1316	Tinggi	3
4.	C4D;Tidak tepat masa perolehan	4.1842	Tinggi	1
C6	Ketidakpastian Luar Jangka	4.0978	Tinggi	4

1.	C6A;Tidak ketentuan cuaca	3.9737	Sederhana	7
2.	C6B; Lewat bekalan bahan	4.1053	Tinggi	4
3.	C6C;Gangguan luar negara	4.2391	Tinggi	2
4.	C6D;Tiada pelan kecemasan	4.1739	Tinggi	3
5.	C6E;Susah kekalkan prinsip	4.1053	Tinggi	4
6.	C6F;Kurang tenaga mahir	4.1842	Tinggi	1
7.	C6G;Sengit persaingan	4.0263	Tinggi	6
C3	Penjadualan Tidak Realistik	4.0921	Tinggi	5
1.	C3A;Tidak fleksibel	4.1316	Tinggi	2
2.	C3B;Abai data semasa	4.0789	Tinggi	3
3.	C3C;Optimistik untuk dicapai	4.0000	Tinggi	4
4.	C3D;Lewat sahkan bahan	4.1522	Tinggi	1
C7	Kesukaran Mengukur Kemajuan	4.0658	Tinggi	6
1.	C7A;Kurang data langsung.	4.0789	Tinggi	1
2.	C7B;Sukar tetapkan KPI	4.0526	Tinggi	3
3.	C7C;Risiko ketidakpatuhan jadual	4.0789	Tinggi	1
4.	C7D;Kurang perisian moden	4.0526	Tinggi	3
C8	Integrasi Komunikasi	4.0263	Tinggi	7
1.	C8A;Kurang latihan komunikasi	3.9737	Sederhana	4
2.	C8B;Beza bahasa	4.0789	Tinggi	1
3.	C8C;Tiada platform seragam	4.0000	Tinggi	3
4.	C8D;Kurang integrasi komunikasi	4.0526	Tinggi	2
C1	Matlamat Tidak Jelas/Tidak Terperinci	4.015	Tinggi	8
1.	C1A;Tidak spesifik	4.0789	Tinggi	1
2.	C1B;Sukar difahami.	3.9737	Sederhana	6
3.	C1C;Tiada halatuju jelas	3.9474	Sederhana	5
4.	C1D;Tidak ikut konsep	3.9737	Sederhana	6
5.	C1E;Kekaburan komunikasi	4.0263	Tinggi	3
6.	C1F;Sukar ukur prestasi projek	4.0263	Tinggi	3
7.	C1G;Tindihan tugas	4.0789	Tinggi	1

Objektif pertama kajian ini telah berjaya dicapai dengan dapatan soal selidik menunjukkan perancangan lemah, penentangan terhadap penggunaan teknologi, dan sumber data terhad sebagai tiga paling dominan sekaligus merangkap cabaran utama. Perancangan lemah didapati menjejaskan keupayaan mempraktikkan SMART secara sistematik serta meningkatkan beban kerja, selari dengan pandangan Shah, Bhatti dan Ahmed (2023). Penentangan teknologi pula berpunca daripada kekurangan latihan, kos pelaksanaan tinggi dan kekurangan tenaga mahir, konsisten dengan dapatan Hanna, Bigelow dan Pratt (2024). Selain itu, kekangan sumber data menghalang pemantauan prestasi dan perancangan yang tepat, sekaligus memberi kesan kepada kos dan jadual projek, seperti ditegaskan oleh Iqbal *et al.* (2024). Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa Objektif 1 kajian telah dicapai dengan jelas dan menyeluruh.

4.3 Bahagian C: Mengenal pasti strategi utama bagi cabaran pelaksanaan halatuju SMART

Secara keseluruhan, Jadual 5 menunjukkan semua strategi berada pada tahap persetujuan tinggi. Penggunaan komunikasi bersepadu mencatatkan nilai min tertinggi (min = 4.3947, kedudukan 1), diikuti oleh penyediaan latihan bersama '*champion*' (min = 4.379, kedudukan 2). Seterusnya, penetapan kejelasan KPI berada pada (min = 4.0000, kedudukan 3), diikuti pemanfaatan teknologi pengumpulan data (min = 4.3377, kedudukan 4) dan perancangan kontingensi (min = 4.312, kedudukan 5). Pelaksanaan analisis masa mencatat (min = 4.2368, kedudukan 6), manakala penglibatan awal pihak berkepentingan berada pada (min = 4.1526, kedudukan 7). Penggunaan perisian pengurusan projek moden merekodkan nilai min terendah (min = 4.1105, kedudukan 8), namun masih pada tahap persetujuan tinggi, menunjukkan semua strategi dianggap relevan dengan keutamaan yang jelas kepada komunikasi, pembangunan keupayaan dan kawalan prestasi projek.

Jadual 5 Rumusan Analisis Data Bahagian C

No.	Item	Purata (min)	Tahap Persetujuan	Kedudukan
P8	Penggunaan Komunikasi Bersepadu	4.3947	Tinggi	1
1.	P8A; Implementasi platform digital.	4.3684	Tinggi	3
2.	P8B; Sesi perbincangan berkala	4.3684	Tinggi	3
3.	P8C; Guna sistem komunikasi	4.3684	Tinggi	3
4.	P8D; Pantau keberkesanan komunikasi	4.4474	Tinggi	1
5.	P8E; Budaya kerja kolaboratif	4.4211	Tinggi	2
P5	Penyediaan Latihan Bersama 'Champion'	4.379	Tinggi	2
1.	P5A; Lantik 'Champion'	4.2895	Tinggi	5
2.	P5B; Sediakan latihan komprehensif	4.3158	Tinggi	4
3.	P5C; Rangka strategi digitalisasi	4.4474	Tinggi	1
4.	P5D; Dapatkan sokongan padu	4.3684	Tinggi	3
5.	P5E; Galakkan budaya penambahbaikan	4.4737	Tinggi	1
P7	Penetapan Kejelasan KPI	4.0000	Tinggi	3
1.	P7A; Tetapkan KPI yang jelas	4.3947	Tinggi	2
2.	P7B; Tetapkan KPI yang mudah	4.3421	Tinggi	4
3.	P7C; Selaraskan KPI	4.4737	Tinggi	1
4.	P7D; Semakan KPI berkala	4.3158	Tinggi	5
5.	P7E; Libatkan semua pihak	4.3947	Tinggi	2
6.	P7F; Integrasi KPI	4.3421	Tinggi	4
P4	Pemanfaatan Teknologi Pengumpulan Data	4.3377	Tinggi	4
1.	P4A; Kemahiran kmpul data	4.3421	Tinggi	2
2.	P4B; Guna teknologi moden	4.3421	Tinggi	2
3.	P4C; Platform pusat data	4.3158	Tinggi	4
4.	P4D; Integrasi data	4.3421	Tinggi	2
5.	P4E; Pemantauan berterusan.	4.3158	Tinggi	4
6.	P4F; Penambahbaikan berterusan	4.3684	Tinggi	1
P6	Perancangan Kontingensi	4.312	Tinggi	5
1.	P6A; Kenal pasti risiko	4.4211	Tinggi	2
2.	P6B; Kenal pasti impak	4.4737	Tinggi	1
3.	P6C; Bangunkan senario realistik	4.3947	Tinggi	3
4.	P6D; Wujudkan jaringan komunikasi	4.3684	Tinggi	4
5.	P6E; Latihan simulasi berkala	4.3421	Tinggi	6
6.	P6F; Latihan pemeriksaan berkala	4.3684	Tinggi	4
7.	P6G; Bina organisasi proaktif	4.3158	Tinggi	7
P3	Pelaksanaan Analisis Masa	4.2368	Tinggi	6
1.	P3A; Libatkan staf profesional	4.2105	Tinggi	3
2.	P3B; Gunakan kaedah CPM	4.2105	Tinggi	3
3.	P3C; Pantau jadual berkala	4.2895	Tinggi	1
4.	P3D; Komunikasi berkesan	4.2368	Tinggi	2
P1	Penglibatan Awalan Pihak Berkepentingan	4.1526	Tinggi	7
1.	P1A; Semua pihak	4.4211	Tinggi	1
2.	P1B; Dokumen jelas	4.1053	Tinggi	3
3.	P1C; Komunikasi berkesan	4.1053	Tinggi	3
4.	P1D; Hubungan kolaboratif	4.0000	Tinggi	5
5.	P1E; Percepatkan prosedur	4.1316	Tinggi	2

P2	Penggunaan Perisian Pengurusan Projek Moden	4.1105	Tinggi	8
1.	P2A; Latihan berterusan	4.1579	Tinggi	1
2.	P2B; Sokongan teknikal	4.1579	Tinggi	1
3.	P2C; Guna perisian sesuai	4.1053	Tinggi	4
4.	P2D; Integrasi sistem ERP	4.1316	Tinggi	3
5.	P2E; Kemas kini data	4.0000	Tinggi	5

Objektif kedua kajian ini berjaya dicapai apabila analisis soal selidik mengenal pasti lapan strategi bagi menyokong pelaksanaan halatujau SMART, dengan strategi utama ialah komunikasi bersepadu, latihan bersama 'champion', dan kejelasan KPI yang muncul sebagai paling dominan. Dapatan ini selari dengan literatur yang menunjukkan bahawa komunikasi bersepadu meningkatkan penyelarasan dan ketelusan maklumat (Vardishvili & Petriashvili, 2024; Abd Aziz *et al.*, 2024), latihan bersama 'champion' mempercepat adaptasi serta pemeraksanaan kompetensi pasukan (Ernstsen *et al.*, 2021; CIDB, 2024), manakala KPI yang jelas memperkukuh akauntabiliti dan pemantauan prestasi projek (Muneer *et al.*, 2022). Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa strategi utama yang dikenal pasti adalah selari dengan keperluan praktikal industri dan berupaya menyokong pelaksanaan SMART dengan lebih berkesan dalam pengurusan projek pembinaan.

4.4 Menganalisis hubungan antara cabaran utama dan strateginya terhadap pelaksanaan halatujau SMART bagi pengurusan projek pembinaan

Analisis korelasi dijalankan bagi menilai hubungan antara cabaran utama dan strategi utama terhadap pelaksanaan halatujau SMART berdasarkan hipotesis H_0 dan H_1 . Kekuatan hubungan ditafsirkan menggunakan nilai pekali korelasi, iaitu 0.31–0.50 (lemah), 0.51–0.70 (sederhana), 0.71–0.90 (kuat) dan 0.91–1.00 (sangat kuat) seperti yang dicadangkan oleh Pallant (2007) dan disokong oleh Hinkle *et al.* (2020). Tiga pembolehubah utama dipilih berdasarkan skor persetujuan tertinggi responden kerana ia mewakili persepsi dominan dan paling relevan untuk mencapai objektif kajian (McCombes *et al.*, 2022; Saunders *et al.*, 2023). Analisis juga berpandukan oleh Pallant (2007) yang nilai pekali korelasi $r = 1$ menandakan hubungan positif sempurna, $r = -1$ hubungan negatif sempurna, manakala $r = 0$ menunjukkan tiada hubungan antara pembolehubah. Selain itu, pencapaian hubungan signifikan dalam hipotesis kajian (H_1 dan H_0) diukur berdasarkan nilai p oleh Nguyen, (2020), dan Okoye dan Hosseini (2024).


Analisis korelasi di Lampiran C menunjukkan bahawa hubungan antara cabaran utama dan strategi utama terhadap pelaksanaan halatujau SMART dalam pengurusan projek pembinaan didominasi oleh hubungan lemah, dengan kebanyakannya tidak signifikan secara statistik ($p > 0.05$). Bagi cabaran Perancangan Lemah, sub-cabaran Sukar Dipraktikkan menunjukkan hubungan positif tertinggi dengan budaya kerja kolaboratif ($r = 0.238$), manakala Beban Kerja Melampau mencatatkan hubungan negatif paling ketara dengan galakkan budaya penambahbaikan ($r = -0.482$) dan dapatkan sokongan padu ($r = -0.220$). Bagi sub-cabaran Tidak Ikut Prinsip, hubungan negatif turut mendominasi, khususnya dengan pantau keberkesanan komunikasi ($r = -0.352$) dan galakkan budaya penambahbaikan ($r = -0.330$), menunjukkan bahawa strategi pemantauan dan budaya semata-mata kurang berkesan tanpa penambahbaikan asas perancangan. Oleh itu, bagi kebanyakan hubungan di bawah cabaran perancangan lemah, H_0 adalah diterima, manakala H_1 hanya disokong secara terhad kerana kekurangan hubungan signifikan. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa perancangan yang lemah melemahkan keberkesanan kebanyakan strategi SMART walaupun arah hubungan wujud.

Bagi cabaran Penentangan Penggunaan Teknologi, strategi budaya kerja kolaboratif muncul secara konsisten sebagai pendekatan paling berpotensi, dengan hubungan positif tertinggi bagi Kurang Beri Latihan Teknologi ($r = 0.196$), Tinggi Hadap Kos ($r = 0.206$) dan mencapai hubungan sederhana serta signifikan bagi Kurang Tenaga Mahir ($r = 0.326$, $p = 0.046$). Sebaliknya, strategi dapatkan sokongan padu mencatatkan hubungan negatif yang tinggi terhadap kos teknologi ($r = -0.452$), manakala melibatkan semua pihak juga menunjukkan hubungan negatif bagi kekurangan latihan ($r = -0.272$). Untuk cabaran Sumber Data Terhad, kebanyakan hubungan adalah sangat lemah dan negatif, dengan hubungan positif tertinggi hanya dicatatkan oleh budaya kerja kolaboratif ($r = 0.108$) dan guna sistem komunikasi ($r = 0.111$) bagi peningkatan kos bahan, manakala Kurang Tenaga Pakar menunjukkan hubungan negatif signifikan dengan galakkan budaya penambahbaikan ($r = -0.324$, $p = 0.047$). Dapatan ini menunjukkan bahawa H_1 hanya diterima bagi hubungan terpilih yang signifikan, khususnya melibatkan latihan dan kemahiran, manakala bagi hubungan lain yang lemah atau tidak signifikan, H_0 adalah diterima, mencerminkan cabaran sebenar dalam penerimaan teknologi SMART.

